



اُيُتِمُّوْهُ سَيِّدِي تَكْنُوْلُوجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

JPK BEKPES

Muhammad Zulhilmi bin Zulkifli, Nurul Aisyah binti Mat Yusoff, Naz Asyraf bin Mohammad Nazarul & Muhammad Luqman Al-Hakim bin Mohd Yusri



Pada setiap hari Sabtu, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah melancarkan aktiviti jualan sarapan pagi bertemakan "JPK Bekpes" di hadapan Unit Residensi Dan Hospitaliti Pelajar (URHP) dari pukul 7.00 pagi hingga 10.00 pagi. Program ini bertujuan untuk mengumpulkan dana tambahan bagi kelab dan aktiviti yang akan datang, serta untuk mengeratkan hubungan antara penghuni kolej dan komuniti setempat.

Antara menu yang ditawarkan termasuklah nasi lemak dengan harga RM 1.50, sandwich RM 2.50, serta set "Mix n Match" yang mengandungi tiga pilihan makanan ringan seperti karipap, donat, dan roti sosej. Menu ini disusun bagi memastikan harga yang berpatutan, sesuai dengan bajet

pelajar. Setiap minggu, ahli JPK bertugas secara bergilir-gilir untuk menyediakan dan menjual makanan. Sambutan terhadap "JPK Bekpes" amat memberangsangkan. Setiap minggu, jualan makanan ini habis dijual dalam masa yang singkat.



Berdasarkan gambar yang diambil semasa sesi penjualan, jelas kelihatan komitmen dan kesungguhan para JPK yang bertugas dalam memastikan kelancaran aktiviti ini. JPK yang bertugas turut dibantu oleh beberapa sekretariat JPK. Inisiatif ini bukan sahaja membantu dalam mengumpulkan dana, tetapi juga memperkuat semangat kerjasama antara ahli JPK dan sekretariat yang turut terlibat dalam menjayakan program ini.

Penjualan ini turut menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai melalui kod QR, memudahkan urusan pembelian bagi pelajar yang tidak membawa wang tunai. Dengan pengurusan yang efisien, program ini berjaya menarik minat ramai pelajar yang membeli makanan sebagai sarapan mereka.



Kualiti makanan yang dijual juga mendapat pujian daripada pembeli, dengan makanan yang dijual adalah segar dan disediakan dengan rapi. Kebersihan dan kualiti makanan amat dititik beratkan, sekaligus menjadikan program ini mendapat kepercayaan dari pelajar-pelajar kolej. Pelajar yang singgah bukan sahaja membeli makanan, tetapi juga mengambil kesempatan untuk berinteraksi dengan JPK dan mendapatkan maklumat lanjut tentang aktiviti kolej.